

Polisi QHSE

Kemampuan dan kejayaan perniagaan Setegap Ventures Petroleum (SVP) bergantung kepada kemampuan kami dalam terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk serta menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat dalam semua operasi dan aktiviti kami. Penekanan harus diberikan kepada peningkatan kualiti, memastikan kesihatan, keselamatan operasi dan pemeliharaan alam sekitar. Kami mempunyai kebolehupayaan untuk menyesuaikan diri dalam memenuhi jangkaan dan harapan pihak berkepentingan dan sentiasa berusaha menjadi yang terbaik dalam semua perkara yang kami lakukan.


SVP memerlukan penglibatan aktif dan akauntabiliti terhadap perkara yang melibatkan QHSE daripada semua kakitangan, rakan kongsi, perunding dan rantaian bekalan. Kepimpinan SVP komited dalam memberi sokongan untuk menyediakan sumber yang diperlukan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mencapai polisi ini.

Kami komited untuk:

- Menyediakan rangka kerja untuk menetapkan objektif prestasi QHSE; mengukur hasil; dan membuat penilaian serta memperbaiki proses-proses, perkhidmatan, dan kualiti produk secara berterusan melalui penggunaan sistem pengurusan yang efektif.
- Menjadi rakan kongsi pilihan kepada semua pelanggan, dalam mengatasi dan menyesuaikan diri dengan kehendak mereka pada setiap masa.
- Memuaskan hati pihak berkepentingan dengan memastikan organisasi dapat memberikan pulangan pelaburan yang positif dalam semua operasi kami.
- Memastikan operasi kami mematuhi keperluan undang-undang dan perlembagaan di semua lokasi.
- Melaksanakan perlindungan alam sekitar dengan meminimumkan impak kami kepada alam sekitar sama ada melalui pencegahan pencemaran, pengurangan penggunaan sumber asli dan pengitaran semula sisa buangan.
- Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat bagi mengelakkan kecederaan dan risiko kesihatan
- Menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko QHSE dengan menyingkirkan keadaan yang tidak selamat; meminimumkan dan mengawal risiko melalui penyediaan pelbagai latihan, amalan kerja yang selamat; pengenalpastian hazard QHSE, risiko, penaksiran aspek & impak, melalui penilaian dan audit berkala; serta melaksanakan langkah-langkah kawalan yang sewajarnya.
- Berkommunikasi secara terbuka dengan kakitangan, rakan kongsi, perunding dan rantaian bekalan dalam memastikan pemahaman berkaitan polisi, standard, program dan prestasi QHSE kami; pemberian ganjaran atas kecemerlangan prestasi QHSE.
- Menggalakkan penglibatan, perundingan, dan penyertaan kakitangan, rakan kongsi, perunding, dan rantaian bekalan dalam penambahbaikan Sistem Pengurusan QHSE.
- Menambahbaik sistem pengurusan QHSE secara berterusan.

Dalam memastikan perlaksanaan semua aspirasi yang dinyatakan, SVP menuntut semua pekerja dan Sistem Pengurusan QHSE berganding bahu untuk menyempurnakan segala rancangan yang telah dirangka.

Menyedari akan kebergantungan penuh syarikat terhadap kakitangan, rakan kongsi, perunding, dan rantaian bekalan, kami akan memastikan bahawa polisi ini difahami, diterapkan dan sentiasa dipatuhi pada setiap masa. Polisi ini akan dikemaskini dan dikaji secara berkala untuk memastikan kesesuaian secara berterusan.



Mohd Shahrin Saad
CEO SVP
April 1, 2021